

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqu Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.	MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL
	01/03/2020

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT) adalah merupakan pelan perlindungan Takaful Keluarga yang direka untuk melindungi obligasi gadai janji anda sekiranya kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) berlaku ke atas orang dilindungi sewaktu tempoh perlindungan.

2. Apakah konsep-konsep asas Syariah yang digunakan?

Tanggungjawab untuk membayar sumbangan dan menerima manfaat adalah berdasarkan konsep Tabarru'. Tabarru' membolehkan peserta untuk memenuhi tanggungjawab bantuan dan jaminan bersama.

Kami dilantik sebagai Pengendali Takaful di bawah struktur Wakalah. Struktur Wakalah adalah hubungan agensi antara dua pihak, di mana fi Wakalah dibayar kepada kami untuk menanggung kos pengedaran dan pengurusan pelan.

Sumbangan tunggal ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan pengunderaitan daripada DRP akan diagihkan berdasarkan polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa syariah. 50% daripada lebihan agihan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil takaful adalah berkuatkuasa, tidak pernah membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Baki 50% lagi akan dibayar kepada kami untuk mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Jua'lah. Jua'lah ialah kontrak upah yang menyatakan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Lebihan agihan yang dikongsi di antara orang yang dilindungi adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan ke atas dana berasingan akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana Sijil mereka masih berkuatkuasa dan 15% akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak mudharabah. Mudharabah ialah kontrak yang dipersetujui di antara Kami dan orang yang dilindungi bagi keuntungan dan kerugian pelaburan. Dana berasingan akan dibayar bersama dengan manfaat, semasa tamat tempoh sijil takaful, atau apabila orang yang dilindungi memberitahu Kami dan peserta pada bila-bila masa sebelum sijil berakhir dan jumlah yang diminta sekurang-kurangnya RM500.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

No	Perlindungan/Manfaat	Butiran	Tempoh Perlindungan
1	Kematian	Sekiranya berlaku kematian orang dilindungi, jumlah dilindungi berkurangan dan lebihan pengunderaitan (jika ada) pada tarikh kematian hendaklah dibayar sebagai pembayaran balik baki kemudahan gadai janji / pembiayaan yang belum jelas.	___ tahun
2	HUMK	<p>Sekiranya orang dilindungi mengalami HUMK sebelum tamat tempoh perlindungan atau sehingga ulang tahun sijil pada umur 70 orang dilindungi, jumlah dilindungi berkurangan sehingga sebanyak RM1,000,000 dan lebihan pengunderaitan (jika ada) akan dibayar. Baki, jika ada, sehingga sebanyak RM1,000,000 dibayar 1 tahun dari tarikh pembayaran pertama, mengikut mana-mana yang terdahulu.</p> <p>Sekiranya orang dilindungi meninggal dunia atau sijil tamat tempoh sebelum pendahuluan kedua perlu dibayar, baki selebihnya akan dibayar sekaligus dan sijil akan ditamatkan.</p> <p>Jumlah dilindungi berkurangan akan digunakan untuk pembayaran balik baki kemudahan gadaijanji / pembiayaan yang belum jelas.</p> <p>Jumlah pembayaran agregat bagi manfaat HUMK hendaklah tidak melebihi RM2,000,000 bagi sijil ini dan semua sijil bersama Pengendali Takaful, jika ada, bagi orang dilindungi.</p>	___ tahun atau sehingga ulang tahun sijil pada umur 70 orang dilindungi, mana-mana yang terdahulu.

4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan tunggal yang anda sebagai orang dilindungi yang perlu dibayar berbeza-beza bergantung pada umur anda, jumlah dilindungi, kadar keuntungan dan tempoh perlindungan. Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar ialah RM____. Jumlah sumbangan yang perlu dibayar juga mungkin berbeza bergantung pada keputusan pengunderaitan Pengendali Takaful.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Perbelanjaan berkaitan sijil seperti perbelanjaan pengurusan telah dimasukkan dalam jumlah sumbangan anda. Jika anda sebagai orang dilindungi memutuskan untuk menamatkan sijil takaful anda lebih awal semasa dalam tempoh perlindungan, nilai serahan mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan anda untuk menampung perbelanjaan di atas.

Fi Wakalah: Kami layak mendapat fi wakalah sebanyak 25% daripada sumbangan yang telah dibayar bagi sijil takaful ini, di mana ianya akan ditolak daripada jumlah sumbangan.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan Pendedahan - Anda dikehendaki menyatakan sepenuhnya dan dengan tepat semua maklumat yang relevan yang anda tahu ianya adalah relevan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dipakai. Jika tidak, ia akan mengakibatkan sijil takaful diketepikan, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil takaful diubah.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk terma dan syarat sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian akibat daripada:

• Bunuh Diri

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika waras:

- (a) dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh permulaan, Kami akan membayar balik jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- (b) selepas 1 tahun daripada tarikh permulaan Kami akan membayar jumlah dilindungi berkurangan.

Sekiranya orang dilindungi membunuh diri ketika tidak waras, Kami akan membayar jumlah dilindungi berkurangan.

Sijil ini tidak akan melindungi HUMK akibat daripada:

- a) Keadaan pra-wujud, kecuali orang dilindungi yang terjejas dengan keadaan ini telah dilindungi di bawah sijil ini selama lebih daripada 1 tahun dari tarikh permulaan;
- b) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri, ketika waras;
- c) Kecederaan atau penghospitalan di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah;
- d) Memasuki, mengendalikan, atau memberikan perkhidmatan menaiki atau menuruni, dari atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali ketika orang dilindungi berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial pada perjalanan penumpang berjadual teratur menggunakan laluan penumpang yang ditetapkan;
- e) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia; atau
- f) Penglibatan dalam apa-apa sukan dan hobi yang berbahaya seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), terbang luncur, belayar atau hobi lain yang sama-sama berbahaya dan berisiko melainkan sumbangan risiko sukan telah dibayar.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk pada Sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

- Pembatalan semasa tempoh bertenang - Orang Dilindungi mempunyai hak, atas apa-apa sebab, untuk memulangkan Sijil Takaful bersama dengan permohonan pembatalan bertulis dalam masa 15 hari selepas Sijil Takaful telah diterima oleh anda atau oleh orang yang mendiami kediaman anda, atau dalam masa 1 tahun dari tarikh permulaan Sijil Takaful, mana yang kemudian. Kami akan membatalkan perlindungan dan mengembalikan kepada anda sumbangan yang telah dibayar, tolak apa-apa fi perubatan yang berkenaan, jika ada.
- Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, Sijil Takaful ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerimanya jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika ia dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika polisi ini dihantar secara elektronik.
- Jika Kami menerima apa-apa notis pembatalan bertulis daripada anda (dengan persetujuan daripada pembiaya gadai janji) selepas 1 tahun dari tarikh permulaan, Kami akan mengembalikan nilai serahan dan lebih pengunderaitan daripada DRP (jika ada).

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Kami atas segala perubahan kepada butir-butir peribadi anda supaya Kami boleh menghubungi anda tepat pada waktunya.

10. Dimanakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada risalah insuranceinfo tentang "Takaful Keluarga" yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau anda boleh mendapatkan salinannya dari wakil jualan atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Atau anda boleh menghubungi:

Etiqua Family Takaful Berhad (199301011506)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank,
No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2297 3888 Faks : 03-2297 3800
Etiqua Online : 1 300 13 8888
Emel: info@etiqua.com.my
Laman Web: www.etiqua.com.my

Etiqua Family Takaful Berhad (199301011506)

Government Business Unit
No.15 & 15A,
Jalan P8G1, Presint 8,
62000 Putrajaya.
Tel: 03-8861 6862 / 6772 / 6362 / 6172
Faks: 03-8861 6782

11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang ada

Sila rujuk kepada pengedar Kami untuk lain-lain jenis perlindungan yang sedia ada.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan produk ini sah selama 3 bulan selepas tarikh dikeluarkan.